

STRATEGI PEPERANGAN MELAYONESIA

Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir
Univ. Kebangsaan Malaysia.

1. PENGENALAN

Makalah ringkas ini sebenarnya dikembangkan daripada makalah asal yang dibentangkan di INSPEM, UPM, suatu masa dahulu. Disini, kami cumalah berhasrat untuk menjawab segala persoalan yang timbul hasil daripada penyelidikan, penulisan, pembentangan dan soal-jawab pada sesi dahulu itu. Penyelidik yang pertama kali berminat mengkaji Peperangan Melayonesia adalah Wales (1952) dan rujukan terkini yang kami dapati adalah Charney (2004). Kami tidak kesampaian untuk mendapatkan semua rujukan yang dinyatakan oleh Charney, malah ada yang mendahului Wales seperti kajian Raffles (pada 1817), Tin (penyelidik Myanmar pada 1931-1933) dan Legaspi (pada 1906). Charney juga memetik rujukan-rujukan lain yang membicarakan berkenaan Peperangan Bugis, Jawa, Sia,. Myanmar, Vietnam, Makassar, Filipina dan Mon. Beliau ada menyebut sebuah teks Mon bertajuk *Nidana Ramadhipati-katha*, bertarikh 1540M, yang membahaskan tentang ilmu peperangan Mon. Disinipun sebenarnya kami akan membicarakan dua buah teks Jawa yang khusus berbincang tentang starategi peperangan. Kami mulai dengan menyatakan teks teras yang dimanfaati oleh dua buah teks jawa itu.

2. STRATEGI PEPERANGAN INDIA

Setakat yang kami termampu merujuk, untuk bidang pemikiran strategi peperangan ini, diketahui oleh ramai penyelidik bahawa karya Kauttilya berjudul *Arthashastra* bertarikh sekitar kurun ke-4SM di India adalah satu-satunya karya ulung berkenaan pemikiran peperangan. Dizamannya, karya ini diajarkan kepada bakal-bakal pemimpin di India, Asia Tengah, Asia Tenggara, Cina dan Jepun. Di dalamnya terkandung 35 cara susunan tentera dalam peperangan untuk mencapai kemenangan mutlak. Bentuk-bentuk susunannya adalah (1) ular (bhoga), (2) turus (danda), (3) lingkaran (mandala), (4) bertingkat (asamhata), (5) putus-putus (pradara), (6) teguh (drdhaka), (7) kebal (asanya), (8) helang (garuda), (9) berjaya (sanjaya), (10) takluk (vijaya), (11) telinga besar (sthulakarna), (12) berjaya besar (visalavijaya), (13) muka tentera (chamumuka), (14) muka ikan (jhashasya), (15) jarum, (16) peringkat (valaya), (17) ular (bhoga, apa bezanya dengan yang pertama?), (18) gerakan ular (sarpasari), (19) punggung sapi (gomutrika), (20) pedati (syandana), (21) buaya, (22) pedati diperkukuh (varipatantaka), (23) semua arah (sarvatomukha), (24) semua menguntungkan (sarvatobhadra), (25) lapan sebahagian (ashtanika), (26) permata (vajra), (27) buaya (godha), (28) taman (udyanaka), (29) separuh bulan (ardhachandrika) (30) kepala udang (karkatakasringi), (31) menang (arishta), (32) kaku (achala), (33) tak terkalahkan (apratihata), (34) helang (syena), (35) busur, (35) busur (chapa).

Alinor, M. bin A.K. – Strategi Peperangan Melayonesia
Makalah dibentangkan di *Seminar Etnosains Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)* ke-2,
7 Sept. 2013, Pusat Dialog Peradaban Univ. Malaya, PJ, Malaysia.

Kami belum pernah mendengar adanya perbahasan ilmiah bagaimanakah 35 strategi ini dinukilkan? Walaupun *arthasastra* itu dikaji dengan meluas diseluruh dunia. Untuk kes di Asia Tenggara, banyak laporan menyatakan bahawa beberapa strategi ini dimanfaatkan dikalangan tentera Melayonesia. Kami utarkan dua buah karya awal yang memanfaatkannya.

3. STRATEGI PEPERANGAN DALAM KAMANDAKA

Sebuah karya yang belum dapat kami kesan identitinya dikatakan membahas 8 cara bagaimana tentera perlu disusun dalam peperangan untuk mendapat kemenangan maksimum. Cara-cara tersebut adalah (1) garuda, (2) singa, (3) udang (makara), (4) cakera, (5) bunga seroja, (6) bukit & samudera, (7) bulan sabit, (8) petir yang tajam.

4. STRATEGI PEPERANGAN DALAM BHARATA-YUDDHA

Karya Mpu Sedah dan Mpu Panuluh (1079S/1158M) ini mengandungi 10 cara susunan tentera sewaktu peperangan, iaitu (1) bukit & samudera, (2) petir yang tajam, (3) garuda, (4) gajah mengamuk, (5) cakera, (6) udang (makara), (7) jarum, (8) bunga seroja, (9) bulan sabit, (10) bulatan berlapis.

Jika dibandingkan dengan *Arthasastra*, beberapa daripada bentuk ini mungkin sekali bersifat tempatan, maksudnya dinukilkan oleh pemikir-pemikir strategi Jawa, iaitu bentuk seperti bukit dan samudra, bunga seroja, singa dan cakera.

RUJUKAN

- Cahrney, M.W. 2004. Southeast Asian Warfare 1300-1900. Leiden : Brill.
Kauttilya. Kurun ke-4SM, *Arthasastra*.
Mpu Sedah dan Mpu Panuluh. 1079S/1158M. *Bharata-Yuddha*. Diubahsuai pada 1755M oleh Yasadipura I. Dedit oleh P.P. Roorda van Eysinga (1849), A.B. Cohen Stuart (1856 & 1860), Dirjaatmadja (1901 & 1908), J.G.H Cumming (1903), Poerbatjakra & C. Hooykaas (1934), R.M. Sutjipto Wirjosuparto (1968).
Wales, H.G.Q. 1952. Ancient South-East Asian Warfare. London : B. Quaritch Ltd.